



KATA PENGANTAR



**PERDANA MENTERI
MALAYSIA**

Sokongan majoriti rakyat yang menentukan kejayaan Pakatan Harapan di dalam pilihan raya umum 9 Mei 2018 merupakan satu pencapaian yang akan terukir di dalam sejarah negara.

Secara umum, ia merupakan pertukaran pertama parti pemerintah sejak kemerdekaan 61 tahun lalu. Pencapaian yang sebegitu besar pastinya datang bersama tanggungjawab dan harapan yang besar juga.

Tanggungjawab ini menjadi bertambah berat kerana kerosakan oleh Kerajaan kleptokrasi lalu yang perlu diperbetulkan bukanlah kecil. Namun begitu, Kerajaan yang baharu ini tidak akan melihat tanggungjawab ini semata-mata dari kaca mata ianya satu beban tetapi menerimanya sebagai pelaksanaan amanah yang ia telah setuju untuk dipertanggungjawabkan.

Di atas kefahaman sebegini, Kerajaan hari ini akan melakukan beberapa perubahan dasar, strategi dan cara pelaksanaan untuk memenuhi harapan rakyat, membina semula serta mengembalikan kegemilangan negara.

Berteraskan prinsip keadilan, tadbir urus yang baik, integriti dan kedaulatan undang-undang, Kerajaan yakin ia akan berkeupayaan mentransformasikan negara ke arah Malaysia baharu.

Bagi mencapai status negara maju dan inklusif, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif pembaharuan untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan rakyat.

Dalam hubungan ini, Kerajaan melalui Kementerian Kewangan sedang mempromosikan usaha untuk mewujudkan negara keusahawanan serta menggalakkan kerjasama dalam kalangan 4P (people, professionals, private and public sectors) iaitu rakyat, profesional, sektor swasta dan awam untuk menerajui pelbagai inisiatif pembangunan negara. Selain itu, dalam melaksanakan pengurusan fiskal berhemat, Kementerian Kewangan juga akan mempercepat pelaksanaan sistem bajet asas-sifar (zero-based budgeting), merasionalisasi program bantuan, menambah baik proses perolehan serta memperluas asas hasil.

Sementara itu, Malaysia berhasrat untuk memperteguh semula kedudukan negara pada peringkat antarabangsa melalui penglibatan secara aktif dengan komuniti global. Bagi tujuan ini, Malaysia akan terus memperkukuh hubungan perdagangan dengan rakan

dagang utama dan negara yang berpotensi menjadi rakan dagang melalui penyediaan persekitaran perniagaan yang mesra dan bersesuaian dengan prinsip Kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN). Dengan mendukung prinsip memakmurkan jiran, Malaysia akan terus memberi penekanan kepada menjalinkan kerjasama erat dengan anggota ASEAN dan blok perdagangan serantau yang lain. Di samping itu, tumpuan lebih utama juga akan diberikan bagi memperkukuh hubungan dua hala dengan China dan Jepun seiring dengan Dasar Pandang Ke Timur.

Bagi meneruskan objektif yang terkandung di dalam Wawasan 2020, Kerajaan akan memastikan ekonomi Malaysia terus berada di landasan pertumbuhan mampan dengan menyediakan persekitaran yang selesa dan menggalakkan untuk memakmurkan pelabur dan perniagaan. Justeru, industri perlu memanfaatkan peluang ini dengan menerima pakai teknologi maju bagi meningkatkan produktiviti dan daya saing. Kerajaan juga menyedari betapa pentingnya peranan generasi muda dalam memacu pertumbuhan masa hadapan. Selaras dengan era Industri 4.0, usaha juga akan diambil untuk membolehkan generasi ini menjadi tenaga kerja berkemahiran tinggi dan mahir digital.

Kami percaya inilah amanah yang dipertanggungjawabkan kepada kami. Kerajaan yakin, dengan kerjasama dan sokongan erat dari rakyat, amanah ini pasti dapat dilaksana dengan jaya dan tercapailah harapan kita untuk membina Malaysia baharu yang bermaruah dan berintegriti.

Terima Kasih.



DR MAHATHIR BIN MOHAMAD

2 November 2018